

SULIT

21/1



## JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

**PENILAIAN MENENGAH RENDAH  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2010**

21/1

**SEJARAH  
Kertas 1**

**OGOS  
2010  
1¼ jam**

**Satu jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

*Disediakan oleh:*

**GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU**

*Dibiayai oleh:*

**KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

**TERENGGANU ANJUNG ILMU**

*Dicetak Oleh:*

*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.  
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Courtesy Of SMKADG.COM

**Kertas soalan ini mengandungi 24 halaman bercetak**

1 Maklumat berikut merujuk pengertian sejarah menurut pendapat beberapa sejarawan.

- Penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab mereka melakukannya
- Catatan atau rekod mengenai sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lampau

Bagaimanakah sejarawan mentafsirkan maksud sejarah seperti di atas?

- A Mengkaji rekod-rekod lalu
- B Membuat penilaian secara terperinci
- C Membandingkan sesuatu peristiwa
- D Merekod peristiwa yang berlaku

2 **Gambar 1** merujuk kepercayaan manusia Zaman Paleolitik.




**Gambar 1**

Apakah amalan yang dapat dikaitkan dengan gambar di atas?

- A Kepercayaan politisme
- B Amalan membuang sial
- C Upacara perkuburan
- D Proses mengawet mayat

3 **Peta 1** menunjukkan lokasi kerajaan awal di Asia Tenggara.




**Peta 1**

Apakah persamaan antara kerajaan X dan Y di atas?

- A Kemahiran membuat kapal
- B Pembinaan empangan dan saliran
- C Kegiatan perdagangan
- D Pelabuhan entrepot

- 4 **Rajah 1** merujuk negara yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Melaka.




**Rajah 1**

Mengapakah Parameswara mengambil langkah di atas?

- I** Mendapatkan pengiktirafan
  - II** Mengelakkan serangan
  - III** Mendapatkan bekalan
  - IV** Memajukan ekonomi
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

- 5 **Peta 2** menunjukkan hubungan perdagangan antarabangsa Melaka pada abad ke-15.




**Peta 2**

Apakah barangan yang dibawa oleh pedagang dari X ke Melaka?

- A** Rempah
- B** Sutera
- C** Emas
- D** Kain

- 6 **Gambar 2** merujuk Masjid Tengkeri di Melaka.



**Gambar 2**

Apakah peranannya dalam sejarah penyebaran Islam di Melaka?

- A Pusat pengajian agama Islam
  - B Masjid pertama mempunyai menara azan
  - C Tempat raja dan pembesar memeluk Islam
  - D Kegiatan menterjemah dan menyadur karya sastera
- 7 Maklumat merujuk kebijaksanaan pemimpin Melaka.

Sultan Muzaffar Shah bertindak bijak menyelesaikan perbalahan antara orang Melayu dengan India-Muslim di istana.

Apakah kesan daripada peristiwa di atas?

- A Menetapkan pewarisan takhta
- B Merancakkan perdagangan serantau
- C Menumpukan usaha perluasan kuasa
- D Memantapkan usaha penyebaran Islam

- 8 **Rajah 2** berkaitan kegemilangan kerajaan Johor.



**Rajah 2**

Apakah X?

- A Keluasan tanah jajahan  
 B Kemudahan pelabuhan  
 C Pengumpulan hasil hutan  
 D Perkembangan bidang persuratan
- 9 Dialog berikut mungkin berlaku selepas kekalahan Portugis di Melaka pada tahun 1641.

Tun Abdul Jamil : Sia-sia sahaja tentera kita berhempas pulas mengalahkan Portugis.

Mengapakah Tun Abdul Jamil berpendapat demikian?

- A Perkembangan perdagangan Melaka  
 B Kemusnahan pelabuhan Melaka  
 C Kejatuhan Melaka kepada Belanda  
 D Pengaruh bugis bertapak di Melaka
- 10 Apakah persamaan yang terdapat dalam sumber sejarah berikut?

- Hikayat Merong Mahawangsa
- Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah

- A Asal-usul nama Kedah  
 B Gelaran sultan selepas Islam  
 C Salasilah keturunan sultan  
 D Sistem pelantikan sultan

- 11 Senarai merujuk beberapa alat kebesaran diraja.

- Cogan
- Tempat bara
- Ketur
- Keris panjang

Alat di atas digunakan semasa

- A** upacara keputeraan
- B** upacara pertabalan
- C** kemangkatan kerabat
- D** keberangkatan sultan

- 12 **Gambar 3** merujuk sistem ukuran dalam masyarakat tradisional.




**Gambar 3**

Apakah kegunaan sistem tersebut?

- A** Mengukur jarak dua tempat
- B** Menentukan keluasan tempat
- C** Menetapkan berat sesuatu barang
- D** Mengira panjang dan pendek sesuatu benda

- 13 **Rajah 3** merujuk adat resam yang diamalkan oleh suku kaum di Sarawak.



**Rajah 3**

Suku kaum tersebut ialah

- I** Kayan
  - II** Kedayan
  - III** Bisaya
  - IV** Kenyah
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

- 14 **Jadual 1** merujuk kepada tarian yang diamalkan oleh etnik di Sabah.

Etnik	Tarian
Murut	Magunatip
Kadazan	X
Bajau	Limbai

**Jadual 1**

Apakah X?


- A** Magavau
- B** Unduk Ngadau
- C** Monggotom
- D** Sumazau

- 15 Apakah faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi masyarakat Sabah?
- A Penempatan
  - B Permintaan tinggi
  - C Pendidikan keluarga
  - D Pekerjaan warisan

“...Raja kami tidak memperkenankan sahabat kami tinggal lama lagi di Poolo Pinang, oleh itu, sahabat kami hendaklah menyelesaikan urusannya secepat mungkin kerana Poolo Pinang ialah milik Raja Queda sejak zaman berzaman ...”

*Petikan surat para pemimpin Kedah yang ditulis kepada Francis Light pada 1791*

- 16 Pemimpin Kedah mengutus surat tersebut kerana Francis Light
- A melewati bayaran pampasan
  - B mengelakkan bayaran cukai
  - C memonopoli perdagangan
  - D memungkiri janji



- 17 Berdasarkan permasalahan tersebut, mengapakah Tengku Hussein tidak dilantik sebagai sultan selepas kemangkatan Sultan Mahmud?
- A Tidak dicalonkan
  - B Tidak mahu memegang jawatan tersebut
  - C Tidak hadir semasa upacara pengebumian
  - D Tengku Abdul Rahman menaiki takhta dengan bantuan British

18 **Jadual 2** merujuk kawasan tumpuan British pada kurun ke-17.

Negeri	Kawasan
Pahang	Sungai Lembing
Perak	Larut
Selangor	Lukut
Negeri Sembilan	Sungai Ujung

**Jadual 2**

Apakah pengajaran yang diperoleh daripada maklumat di atas?

- A Bersatu padu dalam perjuangan
- B Berbangga dengan kekayaan negara
- C Bertoleransi dalam kalangan masyarakat
- D Berwaspada dengan tindakan kuasa asing

19 **Jadual 3** merujuk perubahan dasar British di negeri-negeri Melayu pada tahun 1873.

Parti	Dasar
Liberal	Mengamalkan dasar tidak campur tangan
X	Mengamalkan dasar campur tangan

**Jadual 3**

Parti X ialah Parti

- A Buruh
- B Sosialis
- C Konservatif
- D Republikan

20 Senarai merujuk pembesar di negeri Melayu.

Tokoh	Kawasan
Long Jaafar	Perak
Raja Abdullah	Klang

Apakah persamaan tokoh tersebut?


- A Memajukan kawasan pertanian
- B Menandatangani perjanjian dengan British
- C Menamatkan perbalahan antara kongsi gelap
- D Membawa masuk buruh asing untuk memajukan perlombongan

Perancis berminat untuk membina terusan di Segenting Kra.

21 Berdasarkan maklumat di atas, apakah kesan kepada British jika rancangan itu dilaksanakan?

- I Perdagangan British tergugat
  - II Pelabuhan Singapura terancam
  - III Muncul zaman imperialis baru di Siam
  - IV Kemunculan kuasa besar di Asia Tenggara
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

22 **Rajah 4** menerangkan sumbangan seorang tokoh yang telah berjasa kepada negeri Johor.



**Rajah 4**

Apakah sumbangan X ?

- A Memartabatkan bahasa Melayu
- B Menyekat kemaraan kuasa British
- C Melukis peta pembangunan negeri
- D Mewajibkan pendidikan semua rakyat

- 23 **Rajah 5** menunjukkan struktur pentadbiran negeri Sarawak semasa pemerintahan keluarga Brooke.



**Rajah 5**

Ahli Majlis Bahagian ialah

- A Pegawai Kanan British
- B Pegawai Anak Negeri
- C Setiausaha kerajaan
- D Pegawai Majistret

- 24 **Jadual 4** menunjukkan perubahan bidang kuasa Majlis Negeri di Sarawak

1867	1941
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertukar-tukar fikiran</li> <li>• Menyuarakan pandangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meluluskan undang-undang</li> <li>• Mengurus kewangan</li> </ul>

**Jadual 4**

Mengapakah perubahan bidang kuasa tersebut berlaku?

- A Pengisytiharan perlembagaan
- B Penyeragaman sistem pentadbiran
- C Perkembangan sistem pendidikan
- D Penentangan pemimpin tempatan

- 25 Maklumat menerangkan dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan semasa pentadbiran keluarga Brooke di Sarawak.

Kaum	Bidang Pekerjaan
Melayu	Pentadbiran
Iban	Ketenteraan
Cina	Perlombongan
India	Perniagaan kain
Sikh	Polis

Apakah kesan pelaksanaan dasar tersebut?

- A Meningkatkan taraf hidup  
 B Mempelbagaikan kemahiran  
 C Menjamin perpaduan rakyat  
 D Mengukuhkan kedudukan pemerintah
- 26 Maklumat merujuk kepada jawatan yang dikekalkan oleh SBUB.

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketua Anak Negeri</li> <li>• Ketua Kampung</li> </ul>
--

Apakah alasan SBUB berbuat demikian?

- A Masalah kewangan  
 B Mengekalkan keamanan  
 C Memantapkan pentadbiran  
 D Mengambil hati penduduk
- Penduduk Sabah berasa tidak puas hati kerana SBUB mengenakan pelbagai jenis cukai
- 27 Apakah jenis cukai tersebut ?

- I cukai pintu  
 II cukai kepala  
 III cukai perahu  
 IV cukai kelapa
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 28 Mengapakah permintaan terhadap getah meningkat pada abad ke-20?
- A Pelaburan asing meningkat
  - B Perkembangan perusahaan membuat motokar
  - C Pembukaan ladang secara besar-besaran
  - D Pengurangan cukai eksport

- 29 Maklumat berkaitan dengan hasil pengeluaran hutan di Tanah Melayu.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Batang ditetak untuk mengeluarkan susu.</li> <li>• Susu dikumpul dalam bekas</li> <li>• Dibentuk menjadi bebola dan jongkong</li> </ul> |
|--|

Apakah jenis hasil hutan tersebut?

- A Damar
- B Getah
- C Getah perca
- D Getah jelutung

Perang Naning 1831
<ul style="list-style-type: none"> <li>• British menghantar seramai 150 orang sepoi untuk menyerang Dol Said</li> <li>• Diketuai oleh Kapten Wyllie</li> <li>• Angkatan British ditewaskan</li> </ul>



- 30 Apakah faktor kemenangan Dol Said dalam perang tersebut?

- I Menggunakan taktik perang gerila
  - II Mendapat bantuan daripada Johol
  - III Menggunakan senjata moden
  - IV Mempunyai kubu pertahanan yang kuat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

E.A. Wise telah mendirikan balai polis di Lubuk Terua tanpa berunding dengan Dato' Bahaman.

31 Mengapakah tindakan tersebut ditentang oleh Dato' Bahaman?

- A Mengancam kedudukannya
- B Mencabul adat istiadat Melayu
- C Menerapkan pengaruh Barat
- D Mengehendkan kuasa sultan

32 Puisi menerangkan penentangan Tok Janggut akibat perubahan yang dilakukan oleh Penasihat British di Kelantan.

Aku tak rela tanah darahku diinjak, dijajah  
 Aku tak rela hasil bumiku dicantas dipulas  
 Aku tak rela Melayu bangsaku dipandirkadukkan

Apakah perubahan tersebut?

- A Merampas hak pembesar mengutip cukai
- B Menghapuskan sistem serah
- C Menyekat aktiviti pertanian
- D Mewajibkan peraturan cukai tanah

- Turki
- Jepun
- China
- Mesir

33 Apakah iktibar daripada gerakan nasionalisme yang berlaku di negara di atas kepada penduduk Tanah Melayu?

- A Kebijakan mengelakkan penjajahan
- B Bersatu padu asas kestabilan negara
- C Kesabaran dalam setiap tindakan
- D Berani menegakkan kebenaran

34 Cerpen di bawah dihasilkan sebelum merdeka.

- Cerita Awang Putat
- Siasat Yang Tiada Diminta
- Rumah Besar Tiang Sebatang

Apakah mesej yang hendak disampaikan?

- A Menggalakkan amalan menabung
- B Memajukan pendidikan wanita
- C Mempertahankan adat resam
- D Membangkitkan semangat kebangsaan

35 **Jadual 5** berkaitan pertubuhan imigran di Tanah Melayu.

Kaum Cina	Kaum India
Hsing Chong Hui	Persatuan India Pusat Tanah Melayu
Chung Ho Tang	Persatuan India Tanah Melayu

**Jadual 5**

Apakah persamaan persatuan kaum imigran di atas pada awal kurun ke-20?

- A Membantu British dalam pentadbiran
- B Mengikuti perkembangan negara asal
- C Menyebarkan fahaman komunis
- D Menumpukan isu-isu ekonomi

36 Maklumat merujuk peristiwa yang berlaku pada tahun 1905.

Jepun berjaya mengalahkan Rusia

Peristiwa di atas telah membawa kepada

- A pemasaran barangan Jepun ke Rusia
- B perpindahan penduduk Jepun ke Rusia
- C pengiktirafan Jepun sebagai kuasa besar
- D kejayaan Jepun dalam bidang pertanian

37 Mengapakah Pearl Harbour di Hawaii menjadi sasaran tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua?

- A Pasaran yang luas
- B Kekayaan bahan mentah
- C Kepentingan sebagai pusat perdagangan
- D Pangkalan utama tentera Amerika Syarikat di Asia Pasifik

38 Gerakan anti-Jepun yang manakah muncul di Tanah Melayu semasa pendudukan Jepun?

- I Force 136
- II Askar Melayu Setia ( AMS)
- III Pembela Tanah Air ( PETA )
- IV Pasukan Wataniah Kelantan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

39 Maklumat merujuk bilangan orang Melayu yang terlibat dalam demonstrasi.

- 50 000 orang berhimpun di Alor Star
- 10 000 orang berhimpun di Kota Bharu

Mengapakah demonstrasi tersebut diadakan?

- A Menentang Malayan Union
- B Menyokong Persekutuan Tanah Melayu
- C Menyokong Majlis Raja-raja Melayu
- D Menentang Parlimen British

- Cikgu Zahara Abdullah
- Halimahton Majid
- Datin Puteh Mariah

40 Apakah sumbangan tokoh di atas dalam sejarah negara ?

- A Mencadangkan penubuhan UMNO
- B Menuntut diadakan pilihan raya umum
- C Membantah pelaksanaan Malayan Union
- D Menyokong penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

Persekutuan Tanah Melayu 1948

41 Mengapakah orang Melayu menerima pentadbiran di atas ?

- A Mewujudkan perpaduan kaum
- B Mempercepatkan kemerdekaan
- C Menguasai bidang sosio ekonomi
- D Mendapat jaminan pemeliharaan hak istimewa

42 Senarai merujuk keganasan komunis di Tanah Melayu.

- Menyerang ladang
- Membakar kilang
- Merosakkan landasan kereta api

Mengapakah komunis berbuat demikian ?

- A Menakutkan British
- B Melumpuhkan ekonomi
- C Menentang kekejaman Jepun
- D Menggugat perpaduan kaum

43 Mengapakah perjuangan PKM tidak mendapat sambutan orang Melayu ?

- A Tidak memahami matlamat perjuangan
- B Keahlian kepada orang Cina sahaja
- C Menyokong pihak British
- D Bertentangan dengan budaya tempatan

44 Maklumat merujuk kesan kelonggaran syarat kerakyatan di Tanah Melayu pada tahun 1952.

Seramai 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India telah mendapat kewarganegaraan Tanah Melayu

Apakah tujuan British melonggarkan syarat kerakyatan tersebut?

- A Memenuhi keperluan tenaga kerja
- B Memperkuatkan pertahanan negara
- C Mengatasi masalah kekurangan tentera
- D Mendapatkan sokongan untuk membanteras komunis

45 Sir Gerald Templer memperkenalkan “Kawasan Hitam” dan “Kawasan Putih”.  
Apakah maksud “Kawasan Putih” ?

- A Pelaksanaan undang-undang darurat
- B Kawasan yang bebas dari ancaman komunis
- C Kawasan penganas komunis sangat aktif
- D Penguatkuasaan kawasan keselamatan

46 Senarai merujuk pihak yang berusaha ke arah kerjasama kaum.

- Menteri Besar
- Pihak British
- Parti Negara

Apakah langkah yang diambil untuk mencapai matlamat tersebut?

- A Bekerjasama dengan UMNO
- B Mengadakan Konferensi Nasional
- C Menyertai Konvensi Nasional
- D Membentuk Parti Perikatan


- 47 Maklumat merujuk laporan pelajaran di Tanah Melayu.

Laporan Fenn-Wu 1951

Apakah tuntutan laporan pelajaran tersebut?

- A Pendidikan rendah diwajibkan
- B Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
- C Pengekalan pendidikan vernakular Cina
- D Penyeragaman sukatan pelajaran

- 48 Garis masa menunjukkan pilihan raya yang telah diadakan di Tanah Melayu.



Matlamat pilihan raya di atas ialah

- A membentuk kerajaan baru
  - B mewujudkan perpaduan rakyat
  - C memulakan proses berkerajaan sendiri
  - D menggalakkan penubuhan parti-parti politik
- 49 Maklumat merujuk Rombongan Merdeka.

- Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan
- Mendapat sokongan padu daripada orang ramai
- Mereka menaruh 'harapan tinggi terhadap Tunku'

Apakah yang dapat dikaitkan dengan 'harapan yang tinggi'?

- A Melindungi kepentingan kaum
- B Mengembalikan kedaulatan negara
- C Memantapkan hubungan diplomatik
- D Menyeragamkan sistem pentadbiran

- 50 Maklumat merujuk cadangan Suruhanjaya Reid yang dipinda untuk memuaskan hati semua pihak.

- Bahasa Cina dan Tamil boleh menjadi bahasa pengantar di sekolah masing-masing walaupun bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- Kebebasan beragama dibenarkan walaupun Islam sebagai agama rasmi

Bagaimanakah perkara tersebut dipersetujui oleh semua kaum?

- I** Semangat tolak ansur  
**II** Semangat setiakawan  
**III** Sedia berkorban  
**IV** Permuafakatan
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

- 51 Sebagai warganegara, mengapakah kita mesti menghargai perjuangan tokoh berikut?

- Tun Abdul Razak
- Tun V.T. Sambanthan
- Tun H.S. Lee

- I** Kegigihan menuntut kemerdekaan  
**II** Meningkatkan taraf hidup rakyat  
**III** Membanteras ancaman komunis  
**IV** Kebijaksanaan menyelesaikan isu sensitif
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

- 52 Maklumat merujuk situasi yang dihadapi oleh Charles Vyner Brooke selepas Perang Dunia Kedua.

- Masalah kewangan
- Pertikaian keluarga
- Desakan kerajaan British

Bagaimanakah beliau menangani situasi tersebut?

- A Mendapatkan bantuan kuasa Barat
- B Menandatangani perjanjian ekonomi
- C Menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British
- D Mengembalikan pemerintahan kepada rakyat tempatan

53 Maklumat berkaitan dengan negeri Sarawak.

Majlis Negeri telah meluluskan *Cession Bill* pada tahun 1946

Apakah kesan kelulusan Rang Undang-Undang tersebut kepada Sarawak?

- I Menjadi Tanah Jajahan Mahkota British
  - II Bantahan masyarakat Melayu dan Iban
  - III Pengenalan pentadbiran demokrasi
  - IV Pengunduran pihak British
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


54 Maklumat merujuk gerakan antipenyerahan.

British mendapati Gerakan Antipenyerahan Sarawak terdiri daripada kakitangan kerajaan

Bagaimanakah British menyekat penglibatan golongan ini dalam gerakan tersebut?

- A Memecat pegawai terlibat
- B Menggubal perlembagaan baru
- C Mengeluarkan Pekeliling No. 9
- D Mengenakan perintah berkurung

- 55 **Rajah 6** merujuk parti politik yang ditubuhkan di Sarawak dan Sabah sehingga tahun 1963.



**Rajah 6**

Apakah faktor yang mendorong penubuhan parti-parti tersebut?

- I Pergerakan antipenyerahan
- II Pengenalan Perlembagaan 1956
- III Pengumuman gagasan Persekutuan Malaysia
- IV Pemberian kemerdekaan oleh British

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 56 Mengapakah gerakan kebangsaan di Sabah agak perlahan?

- A Kurang sokongan penduduk tempatan
- B Sekatan kegiatan politik bumiputera
- C Perubahan dasar perjuangan
- D Perubahan pucuk pimpinan

- 57 Maklumat merujuk tuduhan yang dilemparkan oleh sebuah negara di Asia Tenggara .

Pembentukan Persekutuan Malaysia sebagai neokolonialisme

Apakah negara tersebut?

- A Indonesia
- B Myanamar
- C Thailand
- D Filipina

58 Antara berikut, parti yang manakah menyokong tanpa syarat gagasan Persekutuan Malaysia ?

- I UNKO
- II USNO
- III Parti Bersatu
- IV Pasok Momogun

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

59 Maklumat merujuk perjanjian yang ditandatangani pada 9 Julai 1963.

Perjanjian Persekutuan Malaysia

Di manakah perjanjian tersebut ditandatangani ?

- A Queen Palace, London
- B Malborough House, London
- C King's House, Kuala Lumpur
- D Stadium Merdeka, Kuala Lumpur

60 Petikan ucapan menjelaskan tindakan Tunku Abdul Rahman memisahkan Singapura daripada Malaysia

“ ...jika kita tidak berpisah, sudah pastilah akan berlaku pembunuhan yang menggerunkan ...”

Tunku Abdul Rahman

Mengapakah tindakan di atas dianggap wajar ?

- A Memelihara hak orang Melayu
- B Menghapuskan pengaruh komunis
- C Mengatasi masalah kemelesetan ekonomi
- D Mengekalkan keharmonian, keselamatan dan perpaduan kaum

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SKEMA JAWAPAN****PENILAIAN MENENGAH RENDAH TAHUN 2010  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN (OTI 3)****SEJARAH**

1	A	21	A	41	D
2	C	22	C	42	B
3	B	23	B	43	D
4	A	24	A	44	D
5	D	25	D	45	B
6	A	26	A	46	B
7	C	27	C	47	C
8	D	28	B	48	C
9	C	29	C	49	B
10	B	30	A	50	B
11	B	31	A	51	B
12	D	32	D	52	C
13	B	33	A	53	A
14	D	34	D	54	C
15	A	35	B	55	C
16	D	36	C	56	B
17	C	37	D	57	A
18	D	38	A	58	A
19	C	39	A	59	B
20	D	40	C	60	C